



KETUA PENGARAH
JABATAN KERAJAAN TEMPATAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN
(Ministry of Local Government Development)
Aras 29, No. 51, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 Putrajaya, MALAYSIA

Tel : +(6)03 - 8891 3000
Faks : +(6)03 - 8891 3090

Rujukan Kami : JKT.T.800-1/1 Jld. 21 (51)
Tarikh : 27 Disember 2022

SENARAI EDARAN SEPERTI DILAMPIRAN

YB Mulia / YB Dato' Kaya Setia / YB Dato' Paduka / YB Datuk / YB Dato' / Tuan / Puan,

PENETAPAN KELAYAKAN PENGURUS PROJEK BINAAN DAN PENYELIA TAPAK BINAAN YANG MENANDATANGANI BORANG G BERDASARKAN UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM (UKBS) 1984 (PINDAAN 2021)

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Untuk makluman YB Mulia/ YB Dato' Kaya Setia/ YB Dato' Paduka/ YB Datuk/ YB Dato'/ Tuan/ Puan, satu mesyuarat yang melibatkan Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Lembaga Jurutera Malaysia (LJM) dan Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) telah diadakan bagi membincang dengan lebih lanjut berkaitan keperluan UKBS berdasarkan pindaan baharu pada 2 Ogos 2022 dan seterusnya pada 21 Disember 2022. Dalam mesyuarat tersebut, CIDB telah membentangkan beberapa cadangan berkaitan penetapan kelayakan Pengurus Projek Binaan dan Penyelia Tapak Binaan yang menandatangani Borang G berdasarkan UKBS dan mesyuarat telah bersetuju secara dasarnya terhadap cadangan tersebut.

3. Oleh yang demikian, disertakan penerangan Penetapan Kelayakan Pengurus Projek Binaan Dan Penyelia Tapak Binaan Yang Menandatangani Borang G Berdasarkan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS) 1984 (Pindaan 2021) seperti di **Lampiran A** untuk perhatian dan tindakan YB Mulia/ YB Dato' Kaya Setia/ YB Dato' Paduka/ YB Datuk/ YB Dato'/ Tuan/ Puan seterusnya.

4. Segala perhatian dan tindakan lanjut oleh YB Mulia / YB Dato' Kaya Setia / YB Dato' Paduka / YB Datuk / YB Dato' / Tuan / Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' HAJI NOOR-IHSAN BIN HAJI CHE MAT)

s.k:

- i) YBrs. TKP(T)/JKT
- ii) Ketua Setiausaha
Kementerian Kerja Raya,
Tingkat 1-14, Kompleks Kerja Raya,
Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur
Tel : 03 - 8000 8000
Faks : 03 - 2711 3320
- iii) Presiden
Lembaga Arkitek Malaysia (LAM)
Tingkat 17, Blok F, Ibu Pejabat JKR
Jalan Sultan Salahuddin
50582 KUALA LUMPUR
Tel : 03 - 2698 2878
Faks : 03 - 2693 6881

- iv) Presiden
Lembaga Jurutera Malaysia (LJM)
Tingkat 17, Blok F, Ibu Pejabat JKR
Jalan Sultan Salahuddin
50582 KUALA LUMPUR
Tel : 03 – 2698 2413
Faks : 03 – 2692 5017

- v) Ketua Eksekutif
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia,
Aras 10, Menara Dato' Onn,
Putra World Trade Centre,
No. 45, Jalan Tun Ismail
50480 KUALA LUMPUR
Tel : 03 – 2698 2413
Faks : 03 – 2692 5017

SENARAI EDARAN :

1. Ketua Setiausaha
Kementerian Wilayah Persekutuan
Aras 4, Blok 2, Menara Seri Wilayah
Presint 2
62100 PUTRAJAYA
Tel : 03 – 8889 7873
Emel : rosidajaafar@kwp.gov.my
2. YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Tingkat 25, Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR)
10503 PULAU PINANG
Tel : 04-650 5150
Emel : ahmadjailani@penang.gov.my
3. YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
Tingkat 19, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (SSAAS)
40503 SHAH ALAM, SELANGOR
Tel : 03-5544 7042
Emel : suk@selangor.gov.my, haris@selangor.gov.my
4. YB Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka
Aras 3, Blok Bendahara, Seri Negeri, Hang Tuah Jaya
754500 Ayer Keroh, MELAKA
Tel : 06-333 3333 samb. 7220
Emel : kamel@melaka.gov.my
5. YB Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan
Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri
Jalan Dato' Abdul Malek
70503 Seremban, NEGERI SEMBILAN
Tel : 06-765 9911
Emel : drrazali@ns.gov.my
6. YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang
Tingkat 2, Blok A, Wisma Sri Pahang
25200 Kuantan, PAHANG
Tel : 09-512 6601
Emel : sallehuddin@pahang.gov.my
7. YB Mulia Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu
Tingkat 15, Wisma Darul Iman
20503 Kuala Terengganu, TERENGGANU
Tel : 09-600 6000
Emel : tgfarak@terengganu.gov.my

8. YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis
Aras 2, Kompleks Dewan Undangan Negeri Perlis
01000 Kangar, PERLIS
Tel : 04- 973 8987
Emel : azman.yusof@perlis.gov.my
9. YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak
Aras 1, Bangunan Perak Darul Ridzuan
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30000 Ipoh, PERAK
Tel : 05- 209 5000 samb. 5220
Emel : ybsuk@perak.gov.my
10. YB Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
Aras 4, Mabna MBI (Blok 8)
Kompleks Kota Darul Naim
15503 Kota Bharu, KELANTAN
Tel : 09- 748 3414
Emel : suk@kelantan.gov.my
11. YB Dato' Paduka Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah
Aras 4, Blok B, Wisma Darul Aman
05503 Alor Setar, KEDAH
Tel : 04- 702 7215
Emel : ammar@kedah.gov.my
12. YB Setiausaha Kerajaan Negeri Johor
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor
Aras 3, Bangunan Dato' Jaafar Muhammad
Kota Iskandar
79000 Iskandar Puteri, JOHOR
Tel : 07- 266 6116
Emel : azmi@johor.gov.my

PENETAPAN KELAYAKAN PENGURUS PROJEK BINAAN DAN PENYELIA TAPAK BINAAN YANG MENANDATANGANI BORANG G BERDASARKAN UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM (UKBS) 1984 (PINDAAN 2021)

1.0 TUJUAN

Penerangan ini adalah mengenai penetapan kelayakan Pengurus Projek Binaan dan Penyelia Tapak Binaan yang menandatangani Borang G berdasarkan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS) 1984 (Pindaan 2021).

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1** UKBS 1984 merupakan undang-undang yang menggariskan keperluan minima berhubung dengan pembinaan jalan, parit dan bangunan dalam kawasan pihak berkuasa tempatan di Semenanjung Malaysia yang perlu dipatuhi oleh pihak-pihak yang terlibat dalam aktiviti pembinaan.
- 2.2** Pada tahun 2021, pindaan terhadap UKBS telah dibuat dan diluluskan oleh MNKT ke-78 pada 13 Julai 2021. Antara pindaan yang telah dibuat terhadap UKBS adalah keperluan sesuatu projek binaan diselia secara sepenuh masa oleh Pengurus Projek Binaan dan Penyelia Tapak Binaan yang telah diperaku dan diakredit oleh CIDB Malaysia sebagaimana yang digariskan di bawah Undang-Undang Kecil 5. Selain itu, terdapat juga pindaan terhadap keperluan pengisian Borang G yang memerlukan perakuan daripada Pengurus Projek Binaan bagi tujuan untuk pengemukaan perakuan *Certificate of Completion and Compliance* (CCC).
- 2.3** Selaras dengan pindaan ini, mesyuarat bersama pihak-pihak yang berkaitan telah diadakan bagi membincangkan perihal pelaksanaan keperluan baharu UKBS agar ianya dapat dilaksanakan dengan baik tanpa menjejaskan pihak-pihak yang terbabit. Pada 2 Ogos 2022, satu mesyuarat yang melibatkan Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Lembaga Jurutera Malaysia (LJM) dan Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) telah diadakan bagi membincang dengan lebih lanjut berkaitan keperluan UKBS berdasarkan pindaan baharu. Semasa mesyuarat ini, CIDB telah membentangkan beberapa cadangan berkaitan penetapan keperluan Pengurus Projek Binaan dan Penyelia Tapak Binaan yang terlibat dengan keperluan UKBS berkaitan.

3.0 PENETAPAN KELAYAKAN PENGURUS PROJEK BINAAN BERDASARKAN UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM (UKBS) 1984 (PINDAAN 2021)

3.1 Takrifan yang digunapakai adalah seperti berikut:

3.1.1 **Pengurus Projek Binaan** – Merujuk kepada mereka yang ditauliahkan sebagai *Construction Project Manager (CCPM)* atau *Certified Construction Manager (CCM)* oleh CIDB Malaysia.

3.1.2 **Penyelia Tapak Binaan** - Merujuk kepada mereka yang ditauliahkan sebagai *Certified Construction Site Supervisor (CCSS)* oleh CIDB Malaysia.

3.2 Bagi pemerakuan Borang G, tertakluk kepada pindaan oleh CIDB Malaysia, kelayakan Pengurus Projek Binaan adalah berdasarkan kepada kos pembinaan projek. Pengurus Projek Binaan yang dibenarkan untuk memperakukan borang tersebut adalah seperti jadual di bawah:

Kos Pembinaan Projek	Kelayakan Pengurus Projek Binaan
RM20juta ke atas	a. <i>Certified Construction Project Manager (CCPM)</i> ; atau b. <i>Certified Construction Manager (CCM)</i> .
Kos Pembinaan Projek	Kelayakan Pengurus Projek Binaan
Melebihi RM1juta sehingga RM20juta	a. <i>Certified Construction Project Manager (CCPM)</i> ; atau b. <i>Certified Construction Manager (CCM)</i> ; atau c. Personel Binaan yang memiliki kelayakan minima Diploma dalam bidang teknikal berkaitan pembinaan dan berdaftar dengan CIDB di bawah kategori Pengurus Projek Binaan (kontraktor Gred G4, G5, G6 dan G7).

Kos Pembinaan Projek	Kelayakan Pengurus Projek Binaan
RM1juta dan ke bawah	<ul style="list-style-type: none">a. <i>Certified Construction Project Manager (CCPM)</i>; ataub. <i>Certified Construction Manager (CCM)</i>; atauc. Personel Binaan yang memiliki kelayakan minima Diploma dalam bidang teknikal berkaitan pembinaan dan berdaftar dengan CIDB di bawah kategori Pengurus Projek Binaan; ataud. <i>Certified Construction Site Supervisor (CCSS)</i>.